

Pengukuhan Kemahiran Membaca Kosa Kata Nama selepas *al-Jar* dan *al-Zarf* dalam Teks Arab melalui Bacaan Al-Qur'an

Kod Projek: UKM-PTS-2011-108

*Salamiah Ab. Ghani (Ketua Projek), Nur Syazwina Mustapa, Suhaila Zailani @ Ahmad,
Ummu Hani Hashim & Zuraida Shaadon*

Unit Bahasa Arab, Fakulti Pengajian Islam
Universiti Kebangsaan Malaysia, 43600 UKM Bangi, Selangor

PENGENALAN / PERNYATAAN MASALAH

Fenomena semasa menunjukkan pelajar Fakulti Pengajian Islam umumnya mampu membaca Al-Qur'an dengan baik tetapi tidak berupaya untuk mengaplikasikan bacaan mereka itu ketika membaca teks-teks Arab. Kelemahan pelajar dalam membaca teks Arab sangat ketara sehingga melibatkan frasa sendi nama yang mudah (biasa dibaca dalam Al-Qur'an) seperti *al-jar wa al-majrur* dan *zarf wa mudaf ilayh*. Bertitik tolak daripada kajian Lubna Abd. Rahman et al. (2008) dan kajian Zamri Rajab (2010) menunjukkan bahawa pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab berorientasikan al-Qur'an mendapat sambutan dalam kalangan sarjana silam dan sarjana kini. Oleh itu, penyelidik terpenggil untuk mengkaji sebab kesalahan pelajar ketika membaca kosa kata nama selepas *al-jar* dan *zarf* dalam teks Arab. Di samping mencari faktor-faktor yang dapat membantu pelajar meningkatkan kemahiran membaca kosa kata nama selepas *al-jar* dan *zarf* dalam teks Arab melalui pembacaan Al-Qur'an, kemahiran membaca teks Arab, iaitu kemahiran dalam meletak baris pada huruf terakhir setiap perkataan.

Dalam tatabahasa Arab, kesalahan meletak baris pada huruf akhir setiap perkataan merupakan kesalahan yang besar kerana ia akan melibatkan makna dan maksud perkataan. Untuk memahami sesuatu teks Arab yang dibaca haruslah membacanya dengan baris yang betul. Terdapat segelintir daripada pelajar membaca kosa kata nama selepas *al-jarr* dan *al-zarf* dengan pelbagai baris. Secara umumnya mereka sudah mengenali *al-jarr* dan *al-zarf* dan mengetahui fungsi kedua-duanya. Namun secara praktikal masih lagi terdapat kesalahan-kesalahan yang tidak sepatutnya berlaku. Persoalannya, kenapa perkara sebegini terjadi, adakah kerana kurang pengetahuan tentang *al-jarr* dan *al-zarf* serta fungsi kedua-duanya atau kurang latihan dan kepekaan ketika membaca teks? Membaca merupakan salah satu kemahiran bahasa yang penting untuk dikuasai dalam pembelajaran bahasa sama ada bahasa ibunda atau bahasa kedua juga dikenali bahasa asing. Pembelajaran sesuatu bahasa itu tidak lengkap dan sempurna melainkan ia dapat menguasai kemahiran membaca bahasa yang dipelajari. Dalam konteks pembelajaran bahasa Arab sebagai bahasa asing atau kedua di Malaysia kemahiran membaca adalah objektif utama yang perlu dikuasai berbanding kemahiran-kemahiran bahasa lain kurang dapat dipraktikkan secara meluas (Nik Mohd Rahimi 1998). Pendapat ini turut dipersetujui oleh Misnan (1999). Beliau mendapati amalan membaca bahan bacaan bahasa Arab kurang dipraktikkan berbanding

kemahiran-kemahiran bahasa lain. Penguasaan kemahiran membaca yang sepatutnya diperolehi gagal dicapai pada tahap yang sepatutnya. Keadaan ini berlaku disebabkan stail atau gaya pembelajaran pelajar yang berorientasikan peperiksaan.

Dalam pengajaran dan pembelajaran *Maharat al-Qiraah*, terdapat dua jenis pembacaan yang ditekankan; pertama ialah *al-qiraah al-jahriyah* (bacaan mekanis atau bacaan secara kuat), kedua *al-qiraah al-samitah* (bacaan mentalis atau bacaan secara senyap). *al-Qiraah al-jahriyah* ialah bacaan dengan suara yang kuat yang mana dalam bacaan ini menekankan aspek sebutan huruf dan bunyi yang betul. Bacaan *al-jahriyah* merupakan cara terbaik untuk membetulkan sebutan huruf dan memantapkan bacaan dari sudut persembahan. Selain itu, bacaan ini memberi penekanan terhadap aspek nada dan intonasi suara serta boleh dijadikan satu sarana untuk meningkatkan keberanian dan keyakinan diri pelajar. Bacaan *al-samitah* memberi penekanan terhadap aspek kefahaman, iaitu bacaan secara tabi'i yang diamalkan dalam kehidupan manusia untuk menambah maklumat dan pengetahuan seperti membaca karya-karya ilmiah, dan untuk mencapai keseronokan dan menikmati keindahan bahasa seperti membaca karya sastera; hikayat, cerpen, novel dan sebagainya (al-Rukabi 1986).

Melalui pengalaman dan pemerhatian pengkaji selama beberapa tahun terlibat dalam pengajaran dan pembelajaran *Maharat al-Qiraah*, pelajar di peringkat universiti kebiasaannya menghabiskan masa paling minimum pada bacaan *al-jahriyah* (secara nyaring), manakala masa maksimum digunakan pada bacaan *al-samitah* (secara senyap). Oleh sebab bahasa Arab merupakan bahasa kedua bagi pelajar-pelajar di FPI, maka sepatutnya para pelajar memerlukan masa yang banyak untuk bacaan *al-jahriyah*. Hal ini kemungkinan menjadi sebab mereka kurang mahir membaca teks Arab dengan baris yang betul. Terdapat beberapa masalah lain yang dihadapi oleh guru dan juga pelajar yang boleh mengganggu kelancaran pengajaran dan pembelajaran. Kelemahan pelajar dalam membaca boleh memberi kesan yang negatif terhadap pembelajaran mata pelajaran akademik yang lain. Kebiasaannya, pelajar yang lemah dalam akademik didapati kemahiran membaca pelajar tersebut berada di tahap yang rendah, sebaliknya pelajar yang cemerlang dalam akademik memiliki kemahiran membaca yang tinggi.

OBJEKTIF KAJIAN

1. Mengkaji sebab kesalahan pelajar ketika membaca kosa kata nama selepas *al-jar* dan *zarf* dalam teks Arab.
2. Meningkatkan kemahiran membaca kosa kata nama selepas *al-jar* dan *zarf* dalam teks Arab dalam kalangan pelajar FPI melalui bacaan Al-Qur'an.
3. Mengkaji faktor yang dapat membantu pelajar mengaplikasikan kemahiran membaca Al-Qur'an yang sedia ada ketika membaca teks Arab.

METODE KAJIAN

Kajian ini menggunakan metode deskriptif di samping penelitian kepustakaan. Ia menggabungkan dua metode penyelidikan; kualitatif dan kuantitatif. Kajian kualitatif meliputi metode deskriptif dan analisis dokumen, manakala kajian kuantitatif pula menggunakan kaedah eksperimental (Kerlinger 1973). Kaedah ini dijalankan terhadap dua kumpulan, iaitu satu kumpulan kawalan dan satu lagi kumpulan eksperimental. Hanya

kumpulan eksperimental diajar dan dilatih tubi menggunakan kemahiran membaca kosa kata nama selepas *al-jarr* dan *al-zarf* dalam teks Arab melalui pembacaan Al-Qur'an. Ujian pra dan pasca akan dilakukan terhadap kumpulan eksperimental untuk menilai tahap pengetahuan dan tahap kemahiran mereka sebelum dan selepas latih tubi dijalankan. Data yang diperoleh akan dianalisis melalui perisian *SPSS* terkini.

ULASAN KEPUSTAKAAN

Ahmad Kilani Mohamed (2001) mengupas teori-teori asas berkaitan dengan pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Sekolah Menengah Agama di Malaysia. Menurut beliau, nahu bahasa Arab tidak sepatutnya diajar secara terpisah dan berasingan daripada keseluruhan pembelajaran bahasa. Pembelajaran nahu perlu diselitkan dalam pembelajaran kemahiran membaca, menulis dan komunikasi. Hal ini kerana matlamat mempelajari nahu ialah bertujuan membetulkan bahasa yang digunakan oleh pelajar sama ada melalui komunikasi, tulisan atau bacaan. Beliau turut bersetuju bahawa pembelajaran bahasa Arab secara latih tubi yang tersusun sama ada dari segi membaca, menulis dan berkomunikasi merupakan kaedah yang tepat serta berjaya dalam membina kemahiran bahasa Arab dalam kalangan pelajar tanpa memerlukan tempoh masa yang panjang dan guna tenaga yang banyak.

Wan Azura Wan Ahmad (2005) menyebut empat peringkat bentuk pembacaan yang boleh dipraktikkan oleh para pelajar, iaitu pembacaan secara senyap atau kuat, tujuan pembacaan sama ada untuk berseronok, melepaskan tekanan atau untuk mendapatkan maklumat penting dan fokus gaya pembacaan yang pelbagai sama ada menekankan aspek cara sebutan tepat, keupayaan memahami makna yang tersurat dan tersirat serta pembacaan secara intensif terhadap subjek-subjek teras seperti Nahu, Sorof dan perkamusan Arab. Kesemua empat peringkat pembacaan ini perlu dititikberatkan bagi memastikan pelajar menggabungkan antara teori dengan praktikal subjek teras yang dipelajari dalam kemahiran membaca. Beliau turut bersetuju bahawa teknik bacaan secara kuat merupakan langkah paling berkesan bagi pelajar untuk menguasai kemahiran membaca teks atau artikel berbahasa Arab.

Al-Sufi (2008) menerangkan secara terperinci mengenai pelbagai aspek dalam kemahiran membaca, seperti matlamat membaca, cara meningkatkan kecenderungan membaca dan sebagainya. Aspek kemahiran memabaca kosa kata nama selepas *al-jar* dan *zarf* dalam teks Arab melalui bacaan Al-Qur'an tidak dibincangkn.

Lubna Abd. Rahman et al (2008) memfokuskan kajian terhadap keistimewaan dan keunikan bahasa Arab serta hubungkait antara bahasa Arab dengan al-Qur'an. Beliau turut menjelaskan tentang unsur-unsur bahasa Arab dan kepelbagaian maknanya dalam al-Qur'an. al-Qur'an merupakan sumber utama dalam penghujahan bahasa Arab. Oleh itu, al-Qur'an memberi sumbangan yang besar terhadap perkembangan bahasa Arab dari segi tatabahasa, retorik, kosa kata dan lain-lain.

Rosni Samah (2009) mengkaji pendekatan pembelajaran kemahiran bahasa Arab untuk pelajar bukan penutur jati. Menurut beliau membaca bukanlah semata-mata membaca perkataan yang tertulis seperti membaca al-Qur'an dengan tidak memahami kandungannya. Beliau menyarankan dalam pembacaan hendaklah menyebut perkataan dengan betul mengikut bunyi yang sebenar dan baris yang betul, walaupun perkataan itu tidak berbaris dan sukar kepada pelajar untuk menyebutnya. Kesilapan menyebut

perkataan tersebut membawa kepada kesilapan makna dan menyebabkan maksud sebenar tidak dapat difahami.

PENCAPAIAN PROJEK (*OUTPUT*)

Penerbitan (Makalah dalam Prosiding)

1. Suhaila Zailani @ Hj. Ahmad, Salamiah Ab. Ghani, Ummu Hani Hj. Hashim, Zuraida Shaadon & Nur Syazwina Mustapa. 2011. Tujuan Membaca Teks Arab Serta Masalah Yang Dihadapi: satu tinjauan awal di Fakulti Pengajian Islam. *Kongres Pengajaran & Pembelajaran UKM 2011*.
2. Salamiah Ab. Ghani, Suhaila Zailani @ Hj Ahmad, Ummu Hani Hj Hashim, Zuraida Shaadon & Nur Syazwina Mustapa. 2011. Penerapan Kemahiran Asas Membaca Teks Arab Dalam Pengajaran Dan Pembelajaran Maharat al-Qiraah di Fakulti Pengajian Islam. *Kongres Pengajaran & Pembelajaran UKM 2011*.
3. Suhaila Hj Ahmad, Salamiah Ab. Ghani, Zuraida Shaadon & Nur Syazwina Mustapa. 2011. Ahmiyat Tiqniyat SQ3R fi Ta^clim Maharat al-Qiraah. al-Mu`tamar al-Dawli li Ta^clim al-Lughat al-^cArabiyah 2011 di BFSU Beijing, China.
4. Salamiah Ab. Ghani, Suhaila Ahmad, Ummu Hani Hashim & Maheram Ahmad. 2011. al-Tajribah fi Ta^clim Maharat al-Qiraah fi Kuliyyat al-Dirasat al-Islamiyah. *al-Mu`tamar al-Dawli li Ta^clim al-Lughat al-^cArabiyah 2011, di BFSU, Beijing Cina*.
5. Suhaila Zailani @ Hj. Ahmad, Salamiah Ab. Ghani, Ummu Hani Hj. Hashim, Zuraida Shaadon & Nur Syazwina Mustapa. 2012. The Purpose of Reading Arabic Text and the Problems faced: A Preliminary Survey at the Faculty of Islamic Studies. *Procedia Social and Behavioral Sciences* (in progress).
6. Salamiah Ab. Ghani, Suhaila Zailani @ Hj Ahmad, Ummu Hani Hj Hashim, Zuraida Shaadon & Nur Syazwina Mustapa. 2012. Application of Basic Skills in Reading Arabic Text for Teaching and Learning *Maharat al-Qiraah*. *Procedia Social and Behavioral Sciences* (in progress).

Persidangan /Bengkel

1. Bengkel Kemahiran Asas Membaca Teks Arab 1. 26 Oktober 2011. Bilik Seminar Siswazah 1, FPI, UKM.
2. Bengkel Pembinaan Instrumen Penyelidikan. 26 Julai 2011. Bilik Seminar Siswazah 1, FPI, UKM.
3. Bengkel Pembinaan Soal Selidik. 24 Ogos 2011. Bilik Mesyuarat 3 (Syariah), FPI, UKM.
4. Seminar Antarabangsa Pengajaran Bahasa Arab 2011(SAPBA). 5-7 Disember 2011. Beijing Foreign Studies University, China

5. Kongres Pengajaran dan Pembelajaran UKM 2011. 17-20 Disember 2011. Hotel Vistana, Pulau Pinang.

JARINGAN

Kumpulan penyelidikan ini berjaya membuat jaringan dengan Kolej Komuniti Hulu Langat, Kajang. Pegawai daripada Kolej Komuniti Hulu Langat yang terlibat dalam jaringan ialah Puan Norzila Abd Razak selaku Pegawai Kolaborasi dan Ustazah Azizah Mahadi selaku Ketua Unit Pengajian Am. Hasil jaringan yang dibuat, kami kumpulan penyelidikan PTS-2011-107 dan PTS-2011-108 berjaya mendapat peruntukan daripada Program Latihan 1 Malaysia (PL1M) untuk mengadakan Bengkel Kemahiran Asas Membaca Teks Arab 1 pada 26 Oktober 2011 di BSS1, FPI dan Bengkel Kemahiran Asas Membaca Teks Arab 2 pada 28 Disember 2011 di Bilik Singgahan Ilmu. Seramai 45 peserta daripada pelajar kursus PY1112 Maharat al-Qiraah terlibat dalam kursus ini. Di akhir bengkel, peserta diberikan sijil penyertaan daripada Kolej Komuniti Hulu Langat.

PERBELANJAAN

Jumlah Pembiayaan	: RM 10,000.00
Jumlah Peruntukan Diterima	: RM 10,000.00
Baki Belum Terima	: RM 0.00
Jumlah Perbelanjaan dan Komitmen	: RM 8,227.40
Peratus Guna Berbanding Jumlah Pembiayaan	: (Jumlah Perbelanjaan + Jumlah Komitmen)
	_____ X 100
	Jumlah Pembiayaan
	: RM 8,227.40
	_____ X 100
	RM 10,000.00
	: 82.27 %

VOTE	Agihan	Tambah Kurang	/ Viremen	Peruntukan Terlaras	Komitmen	Belanja	Baki
2012							
V21000	Travel & Transportation	0.00	0.00	0.00	0.00	649.40	-649.40
Jumlah Bagi Tahun: 2012		0.00	0.00	0.00	0.00	649.40	-649.40
2011 Disember							
V00000	Miscellaneous	10,000.00	0.00	0.00	10,000.00	0.00	10,000.00
V21000	Travel & Transportation	0.00	0.00	0.00	0.00	1,300.00	-1,300.00
V29000	Special Services	0.00	0.00	0.00	0.00	45.00	-45.00
Jumlah Bagi Tahun: 2011		10,000.00	0.00	0.00	10,000.00	7,578.00	2,422.00

KESIMPULAN

Pelbagai usaha dan aktiviti dilakukan bagi mengatasi masalah ini, antaranya menganjurkan bengkel kemahiran asas membaca teks Arab dan melatih tubi para pelajar membaca contoh-contoh daripada ayat-ayat Al-Qur'an yang mengandungi *al-jarr* dan *al-zarf*, kemudian melatih mereka membaca teks Arab yang tidak berbaris. Dengan adanya aktiviti seperti ini mudah-mudahan dapat meningkatkan kemahiran membaca teks Arab dalam kalangan pelajar FPI. Dapatan kajian melalui projek penyelidikan ini diharap dapat membantu dalam penambahbaikan pengajaran dan pembelajaran kursus PY1112 Maharat al-Qiraah.

RUJUKAN

- Ahmad Kilani Mohamed. 2001. *Teori pengajaran dan pembelajaran bahasa Arab di Sekolah Menengah Agama di Malaysia*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Harison Mohd Sidek. 2010. *Reading instruction theory and practice*. Nilai: Penerbit USIM.
- Ismail Zain. 2009. Belajar melalui teknik SQ3R. Diperoleh 2 November 2011 daripada <http://tutor.layar.net/mod/forum/discuss.php?d=51>
- Khairusy Syakirin Has-Yun Hashim. 2007. Membaca bukan budaya. Diperoleh 1 November 2011 daripada http://www.utusan.com.my/utusan/info.asp?y=2007&dt=0917&pub=Utusan_Malaysia&sec=Rencana&pg=re_06.htm.
- Kolzow, L.V & Lehmann, Jane. 1982. *College reading: Strategies for success*. New Jersey: Prentice-Hall, Inc.
- Lee Kim Hong. T.th. Pengajaran dan Pembelajaran Sastera dalam Sukatan Pelajaran Diperoleh 1 November 2011 daripada <http://www.docstoc.com/docs/19707908/Pengajaran-dan-Pembelajaran-Sastera-dalam-Sukatan-Pelajaran>
- Lubna Abd. Rahman, Arnida A. Bakar & Wan Azura Wan Ahmad. 2008. *Mengenal bahasa Arab melalui al-Qur'an*. Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- Menzies, Holly. M, Mahdavi, Jennifer N & Lewis, James L. 2008. Early Intervention in Reading From Research to Practice. *Remedial and Special Education* Vol. 29 (2): 67-77
- Mohamad Azrien Mohamed Adnan & Zamri Ghazali. 2009. Kemahiran Membaca dalam Bahasa Arab: Kerangka Konseptual. Dalam Ahmad Najib et al. 2009. Pengajian Islam Dan Isu-isu Kontemporari 09, Kota Bharu; Akademi Pengajian Islam UM, Nilam Puri, hlm 161-174.
- Mohd Zainuddin Hashim. 1982. Suatu tinjauan mengenai minat membaca dan bahan-bahan yang dibaca oleh pelajar-pelajar sekolah menengah desa di Semenanjung Malaysia. Tesis Sarjana Yang Tidak Diterbitkan. Universiti Putra Malaysia.
- Mursi, Muhammad Munir & Abu al-[°]Azayim, Isma[°]il. 1983. *al-Da[°]f fi al-Qiraah tashkhisuhu wa[°] ilajuhu*. Kaherah: [°]Alam al-Kutub
- Nurul Huda Osman. 2009. *Muqarrar ta[°]lim al-lughah al-[°]Arabiyah lil-natiqin bi ghayriha madkhal taqwimi*. Kuala Lumpur: IIUM Press.
- Qasim, Riyad Zaki. 2000. *Tiqniyat al-ta[°]bir al-[°]Arabi*. Beirut: Dar al-Ma[°]rifah.
- al-Rifa[°]i, Najib [°]Abdu-ILah. 1997. *Maharat dirasiyah*. Cet. Ke-3. Kuwait: Maktabah al-Manar al-Islamiyah.
- Robinson, F. 1962. *Effective reading*. New York: Harper & Row, Publisher.

- al-Rukabi, Judat. 1986. *Turuq tadrīs al-lughah al-^ḥArabiyah*. Cet. Ke-2. Lubnan: Dar al-Fikr al-Ma^ḥasir.
- Saniah Sayuti, Yeo, Kee Jiar, Ahmad Johari Sihes, dan Azlina Mohd Kosnin (2000). *“Psikologi Pendidikan”*. Skudai: Penerbit Universiti Teknologi Malaysia.
- Shalabi, Ahmad. 1980. *Ta^ḥlim al-lughah al-^ḥArabiyah li ghayr al-^ḥArab*. Kaherah: Maktabah al-Nahdah al-Misriyah.
- al-Shanti, Muhammad Salih. 2003. *al-Maharat al-lughawiyah*. Cet. Ke-5. al-Mamlakah al-^ḥArabiyah al-Sa^ḥudiyah: Dar al-Andalus lil-Nashr wa al-Tawzi^ḥ.
- Siti Hajar Abdul Aziz. 1998. Penguasaan Pemahaman Membaca di Kalangan Pelajar Tingkatan Empat di Dua Buah Sekolah Menengah di Kajang, Selangor. Tesis Sarjana Yang Tidak Diterbitkan. Universiti Putra Malaysia.
- Siti Khatijah Mohamad. 2008. *Hubungan antara jenis bahan bacaan dengan gaya pembelajaran pelajar sekolah menengah teknik*. Tesis Sarjana yang tidak diterbitkan. Universiti Tun Hussein Onn Malaysia.
- Siti Khuzaimatun. 2009. Kajian upaya meningkatkan kemampuan membaca pemahaman dengan metode SQ3R pada siswa kelas X. 3 SMA, Sumberlawang, Surakarta.
- Smith, F. 1990. *Bacaan*. Terj. Siti Nordinar Mohd. Tamin & Fadzilah Md. Arif. Ed. Ke-2. Sekudai: Unit Penerbitan Akademik UTM.
- al-Sufi, ^ḥAbd al-Latif. 2007. *Fan al-Qiraah*. Damsyiq: Dar al-Fikr.
- Sutarjo, J. 2008. Penerapan strategi SQ3R untuk meningkatkan kemampuan membaca interpretatif dalam bahasa Arab. Tapis, Volume 8, 1 Januari.
- Taidin Suhaimin. 2011. Meningkatkan Mutu Pembacaan Teknik Membaca Berkesan. Diperoleh 1 November 2011 daripada <http://www.motivasikecemerlanganpelajar.com/amp-teknikmembacaberkesan.html>.
- Wan Azura Wan Ahmad, Lubna Abd. Rahman, Arnida A. Bakar & Ahmad Pangidoan Nasution Mandily. 2005. *Pendekatan dan strategi efektif dalam penguasaan bahasa Arab*. Nilai: Penerbit Universiti Sains Islam Malaysia.
- al-Zayni, Ibrahim. 1992. *al-Islam manhaj wa tariqatu tadrīs*. Beirut: Maktabah Lubnan.
- Zulzaidi bin Mahmud. 2008. Mahasiswa perlu banyak membaca. Diperoleh 1 November 2011 daripada <http://zulzaidi.wordpress.com/2008/04/19/mahasiswa-perlu-banyak-membaca/>